

Dua ahli Parlimen DAP diarah keluar dari sidang Dewan Rakyat

Astro Awani

Oktober 19, 2015

Oleh Hafiz Marzukhi

Dua anggota Parlimen DAP, Lim Lip Eng (Segambut) dan Gobind Singh Deo (Puchong) mengadakan sidang akhbar selepas diarah keluar dari sidang Dewan Rakyat yang berlangsung hari ini. - Foto Astro AWANI

KUALA LUMPUR: Dua anggota Parlimen DAP, Lim Lip Eng (Segambut) dan Gobind Singh Deo (Puchong) diarah keluar dari sidang Dewan Rakyat yang berlangsung hari ini.

Mereka dikenakan tindakan itu berikutan kengganannya mereka mematuhi peraturan mesyuarat seperti yang dinyatakan Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Lip Eng diarahkan keluar kerana beliau mencelah ketika usul berkaitan pelantikan ahli baru Jawatankuasa Pemilihan Parlimen yang dibawa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau bangun untuk mempersoalkan mengapa usulnya berkenaan kenaikan kadar tol ditolak Speaker Dewan.

Gobind pula diarahkan keluar selepas bangun untuk mempertahankan tindakan Lip Eng.

Selain itu, perkataan yang digunakan Gobind memberi gambaran bahawa beliau mempersoalkan kejujuran Speaker.

Oleh kerana keengganannya beliau untuk menarik balik dan ingin terus menerangkan maksud ayat yang digunakan beliau, Pandikar Amin mengarahkan Gobind keluar.

Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen ke-13 memulakan persidangan hari ini.

© 2015 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-ahli-parlimen-dap-diarah-keluar-dari-sidang-dewan-rakyat-77028>